

FENOMENA KEKHUATIRAN BERKOMUNIKASI DI KALANGAN
PELAJAR SARJANA UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

ZANIRAH AHMAD ZAYADI

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

1998

109192



109192

ABSTRAK

Fenomena kekhuatiran berkomunikasi merupakan salah satu aspek penting yang dikaji dalam bidang komunikasi lisan. Kejayaan dalam penggunaan PRCA-24 di Amerika Syarikat telah membolehkan instrumen tersebut digunakan dengan meluasnya di kalangan bangsa lain di luar Amerika Syarikat. Dalam kajian ini, fenomena kekhuatiran berkomunikasi dikaji dalam konteks penggunaan dwibahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Objektif kajian adalah untuk melihat perbezaan kekhuatiran berkomunikasi mengikut jantina, bangsa dan zon(negeri asal). Selain itu hubungan kekhuatiran berkomunikasi antara kedua-dua bahasa dan hubungannya dengan pencapaian akademik turut dikaji.

Seramai 182 orang pelajar sepenuh masa dan sambilan sesi 1997/98 yang mendaftar dengan Sekolah Siswazah, UUM digunakan sebagai sampel kajian ini. Dari jumlah tersebut, 114 adalah pelajar lelaki, manakala 68 orang pelajar perempuan.

Keputusan kajian mendapati wujudnya perbezaan yang signifikan di antara jantina dengan bangsa bagi kekhuatiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Begitu juga, hasil dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kekhuatiran berkomunikasi Bahasa Malaysia dengan Bahasa Inggeris serta perhubungan antara pencapaian akademik dengan kekhuatiran dalam Bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kekhuatiran berkomunikasi Bahasa Malaysia dengan pencapaian akademik. Selain itu, kajian juga mendapati pelajar sarjana berhadapan dengan darjah kekhuatiran yang tinggi dalam pengucapan umum berbanding dengan konteks-konteks yang lain.

BAB 1

PENDAHULUAN

Komunikasi berkesan merupakan batu asas dalam perhubungan kemanusiaan dari dahulu sehinggalah ke alaf teknologi ini. Oleh itu keupayaan untuk berkomunikasi dengan baik merupakan suatu kepentingan bagi setiap individu. Kebolehan berkomunikasi membantu individu melalui proses sosialisasi secara semulajadi yang merupakan suatu keperluan dalam kehidupan seharian. Sama ada komunikasi diadakan secara diad, antara peribadi, kumpulan kecil, pengucapan umum maupun komunikasi massa, kebolehan berkomunikasi membolehkan individu tersebut memantapkan konsep sendiri dan keyakinan dirinya dalam setiap tutur kata dan tindak tanduknya. Selain itu, ia juga dapat mewujudkan dan mengekalkan perhubungan di samping mempengaruhi orang lain untuk menerima pandangan atau idea seseorang (Kelly & Watson, 1986).

Individu yang normal akan berasa sensitif terhadap persekitarannya, bertindakbalas terhadap kehendaknya dan boleh menyesuaikan tingkah laku mereka supaya mereka boleh berfungsi dengan baik sebagai sebahagian daripada persekitaran itu. Pengalaman berasa khuatir atau takut dalam persekitaran yang mengancam merupakan suatu yang normal. Biasanya seseorang individu tersebut akan cuba menarik diri atau mengelak daripada terlibat dalam situasi yang dirasakan mengancam dan tingkahlaku ini merupakan suatu yang normal (McCroskey & Richmond, 1987). Oleh itu kekhuatiran yang berpunca daripada trait merupakan suatu yang bersifat semula jadi, manakala kekhuatiran mengikut konteks, situasi dan audien merupakan sesuatu yang dipelajari. Walau apapun jenis

kekhuatiran yang dialami, namun jika pengaruh kekhuatiran itu agak keterlaluan, maka perhatian perlu diberi untuk mengurangi dan mengatasinya.

Walau bagaimanapun, situasi kekhuatiran tersebut boleh menyebabkan seseorang individu itu tidak boleh menjadi komunikator yang baik dan berasa selesa serta tenang ketika berkomunikasi. Mereka berasa pasif terhadap diri sendiri dan menganggap diri mereka serba kekurangan berbanding dengan orang lain. Para pengkaji merujuk fenomena ini sebagai kebimbangan atau kekhuatiran yang dialami oleh individu ketika berkomunikasi (McCroskey, 1977b). Gagasan idea ini juga merujuk kepada “ketakutan di pentas”, berat mulut, malu, keengganan berkomunikasi, kurang cenderung terhadap komunikasi verbal dan kebimbangan audien (Klopf & Cambra, 1989). Mengikut McCroskey (1977a), kekhuatiran berkomunikasi merujuk kepada kekhuatiran atau ketakutan yang dialami oleh seseorang individu itu apabila berinteraksi dengan individu lain atau sekelompok individu lain. Walaupun setiap individu pasti mengalami kebimbangan berkomunikasi, namun darjahnya adalah berbeza antara individu dengan individu lain. Terdapat individu yang mengalami kebimbangan dalam konteks ucapan tetapi tidak dalam perhubungan interpersonal. Individu lain pula hanya berasa selesa ketika memberi ucapan tetapi gementar dalam perbincangan kumpulan.

Berpanduan kepada kajian-kajian lepas, kekhuatiran berkomunikasi boleh diklasifikasikan kepada empat jenis berdasarkan kepada darjah kecenderungannya:

- 1) kekhuatiran berkomunikasi jenis trait, iaitu individu yang mengalami darjah kebimbangan yang tinggi dalam semua situasi; 2) kekhuatiran mengikut konteks iaitu individu yang berasa bimbang untuk berkomunikasi dalam konteks tertentu

sahaja; 3) kekhuatiran mengikut audien iaitu individu yang berasa khuatir untuk berinteraksi dengan individu atau kelompok individu tertentu sahaja; dan 4) kekhuatiran mengikut situasi terdapat pada individu yang mempunyai darjah kebimbangan yang rendah (Zeuschner, 1997).

Daripada empat jenis kekhuatiran berkomunikasi tersebut, dua di antaranya begitu mempengaruhi darjah kekhuatiran berkomunikasi seseorang. Kekhuatiran berkomunikasi jenis trait wujud kerana dipengaruhi oleh faktor personaliti yang dibentuk sejak lahir. Dalam erti kata lain, faktor keturunan dikaitkan dengan kekhuatiran jenis ini. Mengikut Friedmend (1980), trait-trait personaliti seperti pendiam, pemalu dan berat mulut boleh menyumbang kepada kekhuatiran berkomunikasi. Apabila keupayaan dan keinginan untuk melibatkan diri dalam mana-mana proses interaksi dan komunikasi wujud tetapi dihalang oleh proses verbal, maka trait-trait tersebut akan terserlah menyebabkan individu berasa khuatir dan takut untuk berkomunikasi.

Mengikut McCroskey (1982) pula, terdapat empat elemen dalam situasi yang boleh menerbitkan kekhuatiran berkomunikasi. Pertama ialah penilaian yang diterima oleh seseorang mengikut situasi. Seseorang itu boleh bercakap dengan baik dalam keadaan biasa tetapi sekiranya ia dinilai, maka perasaan ketidakselesaan boleh menimbulkan kekhuatiran. Contohnya, perbualan dengan kawan dengan situasi bersoal jawab dalam proses temuduga. Elemen kedua ialah situasi baru yang belum pernah dilalui oleh seseorang sebelum itu. Contohnya, menggunakan bahasa lain buat kali pertama boleh menimbulkan kebimbangan. Elemen ketiga merupakan situasi yang kabur iaitu individu tersebut tidak dapat meramal apa akan terjadi akibat daripada ia terlibat dalam situasi tersebut. Elemen keempat pula ialah